



## KENYATAAN MEDIA CO-OPBANK PERTAMA

24 Ogos 2021

### CBP UMUM PEMBAYARAN DIVIDEN SEBANYAK RM58.3 JUTA UNTUK TAHUN 2020

---

1. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah meluluskan permohonan pembayaran dividen bagi syer biasa dan syer keutamaan (iRCPS) CBP bagi tahun kewangan 2020 pada 23 Ogos 2021.
2. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, CBP merekodkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM85.7 juta iaitu peningkatan sebanyak 15.9% dari tahun 2019 yang berjumlah RM73.9 juta. Jumlah keanggotaan CBP juga telah meningkat dengan penambahan 1,039 anggota baharu dengan jumlah keseluruhan anggota pada tahun 2020 sebanyak 92,459. Prestasi baik ini didorong oleh pelaksanaan strategi perniagaan yang berkesan oleh Pengurusan CBP terutamanya semasa mendepani suasana pertumbuhan perniagaan yang agak perlahan dalam tempoh pandemik Covid-19.
3. Pembayaran dividen bagi tahun kewangan 2020 yang berjumlah lebih RM58 juta ini merupakan jumlah yang tertinggi dalam sejarah penubuhan CBP sejak dari tahun 1950. “Bagi tahun 2020, jumlah pembayaran dividen yang dibayar adalah sebanyak RM58.3 juta iaitu peningkatan sebanyak 28.7% berbanding tahun 2019 yang berjumlah RM45.3 juta. Peningkatan jumlah bayaran ini akan memberi manfaat kepada 92,459 anggota CBP yang layak. Jumlah syer keseluruhan CBP melebihi RM900 juta setakat 31 Disember 2020.” Kata Haji Kamari Zaman bin Juhari, Pengerusi CBP.
4. “Kadar dividen bersih bagi tahun 2020 adalah sebanyak 6.7% bagi syer keutamaan iRCPS dan 6.0% bagi syer biasa. Pembayaran dividen ini akan dikreditkan terus ke dalam akaun simpanan Anggota CBP dan pengeluaran boleh dibuat di mana-mana cawangan CBP, secara atas talian melalui laman sesawang CBP atau melalui aplikasi mobil MyCoopbank bermula 27 Ogos 2021”, tambah beliau.
5. Kelewatan pengumuman dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 adalah disebabkan penukaran juruaudit yang dilantik yang memerlukan proses perlantikan dilaksanakan semula yang perlu mendapatkan kelulusan dari pengawalselia.

**-TERIMA KASIH-**

**Mengenai Co-opbank Pertama**

Co-opbank Pertama (CBP) telah ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai sebuah bank. CBP mempunyai 28 buah cawangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk Pembiayaan Individu, Koperasi serta Korporat, Ar-Rahnu, Deposit, Syer Keanggotaan serta Takaful dan Wasiat Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cbp.com.my](http://www.cbp.com.my)

**Untuk makluman lanjut, sila hubungi:**

**Jabatan Transformasi, Co-opbank Pertama**  
**Syaiful Arief Syah Bin Mohamed Said**  
**syaiful@cbp.com.my**  
**013-394 4999**